

Badan-badan tidak relevan akan dibubar - Tun Mahathir
Astro Awani
6 Jun 2018
Kohilah Sekaran

KUALA LUMPUR: Bagi mengurangkan kos kerajaan, beberapa badan yang tidak relevan akan dibubarkan.

Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, kebanyakan badan tidak relevan ini adalah daripada Kementerian Kesihatan.

"Kami sedang cuba untuk mengurangkan kos kerajaan, jadi beberapa badan-badan yang tidak relevan akan dibubarkan.

"Kebanyakannya datang dari Kementerian Kesihatan," katanya pada satu sidang media khas selepas mempengerusikan Mesyuarat Kabinet di Perdana Putra, hari ini.

Beliau berkata, kerajaan juga akan membuat perbandingan peranan bagi menyelesaikan isu pertindihan kuasa antara kementerian.

"Kerajaan telah buat bandingan antara beberapa kementerian dan kita dapati ada pertindihan kuasa. Oleh itu, kita telah berbincang untuk susun semula," tambahnya.

2018Astro Awani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/badan-badan-tidak-relevan-akan-dibubar-tun-mahathir-177455>